

13/11/1997

PJJ mesti global: PM

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) universiti terbuka tempatan dibuka kepada negara Asean dan Asia bagi menyiapkan pelajar negara ini menghadapi cabaran bekerja dan hidup dalam persekitaran sejagat.

Perdana Menteri yakin program pendidikan jarak jauh pada masa depan tidak hanya terhad kepada sempadan negara masing-masing.

Justeru, Dr Mahathir menjemput semua negara ahli Persatuan Universiti Terbuka Asia menimbang cadangan melaksanakan program pendidikan jarak jauh yang merentasi sempadan negara anggota.

"Oleh kerana kualiti pendidikan kita akan mencapai taraf dunia, kita harus menerima pelajar dari seluruh dunia.

"Lagipun, pada abad akan datang, aktiviti manusia tidak hanya terbatas di negara masing-masing.

"Mereka akan bekerja di mana-mana. Belajar di universiti dengan pelajar dari seluruh dunia akan menyediakan mereka untuk menghadapi persekitaran sejagat yang menjadi tempat mereka hidup dan bekerja," katanya.

Beliau berucap melancarkan Pameran dan Persidangan Tahunan Ke-11 Persatuan Universiti Terbuka Asia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Seminar dan pameran empat hari yang bermula semalam itu dihadiri 120 peserta dari 19 negara anggota.

Pada majlis itu juga, Dr Mahathir menyaksikan perjanjian kerjasama di antara The Open University of United Kingdom, TIME Multimedia Sdn Bhd dan TIME Telecommunications Sdn Bhd (TIME Telekom) bagi menawarkan teknologi program pendidikan jarak jauh di negara ini mulai tahun hadapan.

Menerusi Projek Koridor Raya Multimedia (MSC), kerajaan akan menubuhkan sebuah universiti berpangkalan di MSC yang berkonsepkan universiti terbuka.

Universiti berkenaan akan dihubungkan dengan semua institusi pengajian tinggi tempatan dan diharap dapat bertindak sebagai pusat pentadbiran kepada semua institusi berkenaan.

Perdana Menteri berkata, menerusi kerjasama yang memberi tumpuan kepada program pendidikan jarak jauh, kerajaan akan dapat mewujudkan sebuah universiti terbuka yang besar secara berkesan tanpa perlu membina institusi yang berasingan secara fizikal.

Dr Mahathir berkata, menerusi sistem itu, pelajar dapat memasuki beberapa institusi pengajian tinggi secara serentak.

(END)